

## PENGAMALAN IBADAH KHUSUS DAN UMUM PELAJAR UiTM JOHOR KAMPUS PASIR GUDANG

### *THE PRACTICES OF SPECIFIC AND GENERAL IBADAH AMONG STUDENTS OF UiTM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS PASIR GUDANG*

Siti Zaleha Shafi'e<sup>1</sup>  
Rohaya Sulaiman<sup>2</sup>  
Siti Nurul Izah Musa<sup>3</sup>

<sup>1</sup> ACIS, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia, (E-mail: zalehashafie@uitm.edu.my)

<sup>2</sup> ACIS, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia, (E-mail: rohaya@uitm.edu.my)

<sup>3</sup> ACIS, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia, (E-mail: nurulizah@uitm.edu.my)

**Accepted date:** 13-04-2019

**Published date:** 15-09-2019

**To cite this document:** Siti Zaleha Shafi'e, Rohaya Sulaiman & Siti Nurul Izah Musa (2019). Pengamalan Ibadah Khusus dan Umum Pelajar UiTM Johor Kampus Pasir Gudang. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(25), 1-14.

---

**Abstrak:** Ibadah khusus ialah segala amalan yang disebutkan secara khusus di dalam al-Quran dan al-Hadith. Ibadah khusus meliputi dua bahagian iaitu ibadat fardu dan ibadat sunat. Manakala ibadah umum ialah segala perbuatan, perkataan dan gerak hati yang dibenarkan oleh syarak. Justeru, kajian ini membincangkan tentang pengamalan ibadah khusus dan umum dalam kalangan pelajar UiTM Johor Kampus Pasir Gudang semester 1 sesi 2018/2019. Kajian ini dilaksanakan bagi mengukur pengamalan ibadah khusus dan umum pelajar dari lima fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Maka seramai 281 orang pelajar daripada lima fakulti tersebut telah dipilih secara rawak mudah sebagai responden. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen dan dapatan kajian dianalisis menggunakan teknik statistik deskriptif. Hasilnya, keseluruhan pengamalan ibadah khusus dan umum pelajar UiTM Johor Kampus Pasir Gudang adalah berada pada tahap tinggi dengan (skor min=3.95). Walau bagaimanapun, terdapat pengamalan ibadah fardu kifayah dan ibadah sunat yang mendapat min yang rendah. Justeru, kajian ini memberi sumbangan khususnya dari segi penambahbaikan modul ibadah yang lebih menarik bagi meningkatkan tahap kefahaman dan pengamalan ibadah khusus dan umum pelajar pada masa akan datang. Pihak universiti perlu membuat inisiatif untuk melaksanakan program-program yang bersesuaian bagi memantapkan kefahaman dan pengamalan ibadah khusus dan umum pelajar.

**Keywords:** Amalan, Ibadah khusus, Ibadah umum, Pelajar

**Abstract:** *The practices of specific ibadah have been defined specifically in the Quran and Hadith. The practices of specific ibadah cover two aspects which are Fard (obligatory) and Sunnah (as complement to obligatory). Meanwhile, the practices of general ibadah refer to every deed, words, and intuition that are allowed by Islamic jurisprudence. Thus, this study investigates the practices of specific and general ibadah among students of the first semester in 2018/2019 session of UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang. This study is conducted to measure the practices of specific and general ibadah among students from five different faculties; Faculty of Civil Engineering, Faculty of Chemical Engineering, Faculty of Mechanical Engineering, Faculty of Electrical Engineering and Faculty of Business Management. A total of 281 students from the five faculties are chosen randomly as the respondents using the convenience sampling method. This study uses questionnaire as an instrument and the findings are analyzed using the descriptive statistics technique. The findings show that the overall practices of specific and general ibadah of students in UiTM Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang stands at a high level (mean score=3.95). However, fard al-Kifayah (collective obligatory ibadah) and Sunnah (as complement to obligatory) practices have shown low mean scores. Hence, this study contributes specifically to the aspect of producing an interesting ibadah module that enhances understanding as well as the practices of specific and general ibadah among students in the future. As an educational institution, it is a must for our institution to come out with initiatives to implement programs that is suitable to enhance the comprehension and the practices of specific and general ibadah among students.*

**Keywords:** *Ibadah practices, Specific ibadah, General ibadah, Students*

---

## **Pendahuluan**

Ibadah adalah hubungan langsung antara hamba dengan Pencipta yang mempunyai skop yang sangat luas. Menurut Munib (2002) ibadah didefinisikan sebagai pengabdian, penghambaan dan persembahan. Manakala, Yusuf al-Qaradawi (1993) menerangkan ibadah dari segi bahasa yang tepat ialah *al'ubudiah* berasal daripada *al-Khudu'* bererti tunduk atau merendahkan diri. Al-ibadah sama juga ertinya dengan taat atau kepatuhan dan *ta'abud* bererti penghambaan. Ibadah dari segi istilah ialah mengerjakan setiap perkara yang disyariatkan oleh Allah dan mengikuti apa yang diseru oleh rasul-Nya yang meliputi segala perintah dan larangan dengan rasa tunduk dan taat kepada Allah SWT. Mustafa (1995) telah meninjau definisi ibadah dari segi bahasa dan istilah. Beliau membuat kesimpulan bahawa ibadah dari segi bahasa dapat diringkaskan sebagai patuh, taat dan menyerah diri kepada pihak lain dan tidak dapat mengingkarinya. Manakala dari segi istilah pula, beliau merumuskan ibadah sebagai sebarang tindakan yang melambangkan perasaan merendahkan diri, patuh dan menyembah Allah SWT dengan penuh keimanan, ketakwaan dan keikhlasan sama ada ibadah khusus iaitu rukun iman yang enam dan rukun Islam yang lima dan ibadah umum iaitu dalam segala aspek kehidupan manusia seperti ekonomi, politik, sosial, pendidikan dan sebagainya. Ibadah dalam Islam terbahagi kepada dua bahagian iaitu ibadah khusus dan ibadah umum (al-Qaradawi, 1993).

Ibadah khusus meliputi ibadah fardu dan ibadah sunat. Ibadah fardu pula terbahagi kepada dua iaitu ibadah fardu ain dan ibadah fardu kifayah. Ibadah fardu ain ialah ibadah yang wajib dilakukan oleh setiap mukallaf. Sekiranya ibadah tersebut dilakukan, maka seseorang itu akan beroleh pahala. Sebaliknya jika ditinggalkan, maka dia akan mendapat dosa. Contoh ibadah fardu ain ialah

melaksanakan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, menunaikan zakat dan haji sekiranya mampu. Manakala, ibadah fardu kifayah ialah sesuatu amalan yang wajib dilakukan oleh sebahagian anggota masyarakat demi mencapai kemaslahatan umat Islam. Seandainya semua orang Islam dalam komuniti tersebut tidak melakukannya, maka semua orang Islam di kawasan tersebut dikira berdosa. Jika terdapat individu-individu Muslim yang melaksanakannya, maka ia akan menyelamatkan seluruh komuniti Islam di kawasan tersebut daripada dosa. Contoh ibadah fardu kifayah ialah menguruskan jenazah, mempelajari, mengamalkan dan menyebarkan ilmu yang mendatangkan manfaat dan mendirikan solat berjemaah (Mohd Asri Abdullah, 2007).

Bagi ibadah sunat pula, ia adalah sesuatu perbuatan yang jika dilakukan akan mendapat pahala. Manakala jika ditinggalkan, tidak berdosa. Ibadah sunat ini terbahagi kepada dua iaitu sunat muakkad dan sunat ghayr muakkad. Sunat muakkad ialah ibadah yang sangat digalakkan dan tarafnya hampir menyerupai ibadah fardu contohnya ibadah korban, solat sunat hari raya dan solat sunat tahajjud. Ibadah sunat yang kedua ialah ibadah sunat ghayr muakkad. Ibadah sunat ghayr muakkad ini adalah ibadah yang digalakkan dalam Islam tetapi tuntutananya tidaklah seberat sunat muakkad. Contohnya puasa sunat Isnin dan Khamis (Mohd Asri Abdullah, 2007).

Manakala, ibadah umum ialah ibadah yang merangkumi skop yang sangat luas. Ia meliputi perbuatan, perkataan dan gerak hati yang dilakukan akan dikira sebagai ibadah seandainya amalan tersebut mematuhi empat syarat yang dikehendaki oleh syarak. Syarat-syarat tersebut yang pertama ialah niat ikhlas kerana Allah SWT. Kedua, amalan yang dilakukan tidak bertentangan dengan syarak. Ketiga, amalan yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Keempat ialah tidak mengabaikan kewajipan ibadah khusus (Mohd Asri Abdullah, 2007).

Oleh yang demikian, pelaksanaan kesemua ibadah tersebut secara sempurna dan menyeluruh dalam semua aspek kehidupan manusia sangat penting untuk membentuk akhlak dan peribadi yang mulia. Namun, pelaksanaan ibadah tersebut perlulah kepada ilmu dan komitmen. Oleh itu, **permasalahan kajian** di sini dapat dilihat berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan ke atas pelajar di beberapa institusi pengajian tinggi dan sekolah. Kajian-kajian ini mendapati bahawa masih terdapat di kalangan mereka mempunyai tahap amalan ibadah yang sederhana.

Ini boleh dilihat daripada kajian yang dilakukan ke atas pelajar-pelajar di UiTM Kelantan. Menurut hasil kajian Mohd Khusyairie Marzuki et. al (2018), kefahaman pelajar terhadap kewajipan solat fardu adalah tinggi iaitu dengan skor min 4.75. Namun, sikap pelajar dalam melaksanakan solat fardu adalah kurang memuaskan. Manakala, menurut Masjuki Misbah (2017), hasil kajian ke atas pelajar-pelajar tingkatan 1 KAA (Kelas Aliran Agama) di Johor mendapati bahawa tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan responden adalah sederhana dengan nilai min adalah 3.66.

Seterusnya, kajian yang berkaitan dengan pengamalan ibadah-ibadah sunat pula telah dilakukan oleh Fatin Faqeriah Binti Hamsah & Termimi Hidayat Bin Mahyan (2017). Kajian mereka adalah mengenai ibadat sunat ke atas pensyarah-pensyarah Politeknik Kuching Sarawak. Kajian tersebut mendapati bahawa amalan-amalan ibadah sunat yang dilakukan oleh responden adalah pada nilai min yang sederhana.

Menerusi kajian Hasna (2016) pula di Kolej Komuniti Negeri Johor mendapati bahawa tahap pengetahuan pelajar adalah tinggi tentang solat fardu. Walau bagaimanapun ia masih belum

menghasilkan amalan solat fardu yang konsisten. Hal ini kerana, hasil kajian beliau mendapati bahawa pelaksanaan solat pelajar adalah sederhana dan masih perlu diperbaiki.

Hasil kajian Shukri Ahmad et al. (2014) menunjukkan bahawa penghayatan solat pelajar-pelajar Universiti Utara Malaysia masih rendah, manakala pelaksanaan solat tidak dianggap penting di samping solat dianggap bukan keutamaan. Seterusnya, kajian Siti Zaleha (2014) mendapati bahawa tahap pengamalan ibadah pelajar-pelajar sekolah menengah sekitar Permas Jaya, Johor Bahru adalah sederhana.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa terdapat permasalahan dari sudut pengamalan ibadah pelajar-pelajar yang sederhana dan ia lebih menjurus kepada pelaksanaan ibadah solat fardu dan sunat. Maka, di sini timbul **persoalan kajian** iaitu apakah tahap pengamalan ibadah khusus dan umum di kalangan pelajar-pelajar UiTM Johor, Kampus Pasir Gudang. Berdasarkan kepada persoalan kajian, maka **objektif kajian** ini adalah untuk mengukur tahap pengamalan ibadah khusus dan umum pelajar-pelajar UiTM Johor, Kampus Pasir Gudang.

### **Skop kajian**

Kajian ini hanya mengukur tahap pengamalan ibadah khusus dan umum di kalangan pelajar UiTM Johor kampus Pasir Gudang semester 1 sesi 2018/2019. Kajian ini melibatkan lima fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Seramai 281 orang pelajar daripada lima fakulti tersebut telah dipilih secara rawak mudah sebagai responden.

Dari sudut ibadah khusus, pengkaji menumpukan kajian kepada pengamalan ibadah fardu dan ibadah sunat. Bagi ibadah fardu, pengkaji menumpukan lima perkara dalam ibadah fardu ain iaitu mengucap dua kalimah syahadah, menunaikan solat lima waktu, puasa di bulan Ramadhan, memberi zakat dan menunaikan haji. Manakala ibadah fardu kifayah, pengkaji menumpukan kepada solat berjemaah dan pengurusan jenazah.

Bagi ibadah sunat pula, pengkaji menumpukan kepada pengamalan sunat muakkad iaitu pelaksanaan ibadah korban, menunaikan solat sunat hari raya, solat tahajjud dan menjawab azan. Bagi ibadah sunat ghayr muakkad, pengkaji menumpukan kepada pengamalan puasa sunat Isnin dan Khamis.

Bagi ibadah umum, pengkaji menumpukan kepada keengganan melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh agama, mentaati perintah Allah SWT dalam semua situasi dan mengamalkan ajaran Islam.

### **Kajian Literatur**

Kesempurnaan ibadah akan menghasilkan akhlak dan peribadi yang mulia. Oleh itu, konsep ibadah dan pelaksanaannya telah banyak dikaji oleh para penyelidik. Antaranya, Mohd Khusyairie Marzuki et al. (2019), satu kajian mengenai hubungan antara pembentukan sahsiah dengan amalan solat fardu telah dilakukan terhadap 100 responden yang terdiri daripada para pelajar sepenuh masa ijazah sarjana muda di UiTM Kelantan kampus Kota Bharu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi responden terhadap amalan solat fardu mampu memberi impak kepada sahsiah mulia adalah baik (skor min=4.78). Analisis korelasi pula menunjukkan kekerapan solat fardu dan tahap

pembentukan sahsiah adalah signifikan. Hal ini menunjukkan wujudnya indikator perhubungan positif yang kuat. Makalah ini merumuskan bahawa solat fardu dapat mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar.

Mohd Khusyairie Marzuki et al. (2018), kajian ke atas 100 responden yang terdiri daripada para pelajar baru sepenuh masa di peringkat pengajian Ijazah Pertama di UiTM Kelantan kampus Kota Bharu menunjukkan bahawa responden mempunyai kefahaman tentang kewajipan solat fardu yang memuaskan (skor min= 4.75). Namun begitu, sikap pelajar dalam melaksanakan solat fardu masih kurang memuaskan.

Menurut Masjuki Misbah (2017) pula, hasil kajian ke atas pelajar-pelajar tingkatan 1 KAA (Kelas Aliran Agama) di Johor mendapati bahawa tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan responden adalah sederhana dengan nilai min adalah 3.66.

Menerusi hasil kajian Fatin Faqeriah Binti Hamsah & Termimi Hidayat Bin Mahyan (2017) mengenai ibadat sunat ke atas pensyarah-pensyarah Politeknik Kuching Sarawak, kajian mereka mendapati bahawa amalan-amalan ibadah sunat yang dilakukan oleh responden adalah pada nilai min yang sederhana.

Manakala, Hasna bin Bidin (2016) telah melaksanakan kajian ke atas pelajar-pelajar Muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor. Kajian tersebut menunjukkan bahawa pengetahuan pelajar yang tinggi tentang solat masih belum menghasilkan amalan solat yang konsisten. Hal ini dibuktikan dengan pelaksanaan solat pelajar yang sederhana dan masih perlu diperbaiki. Dapatan berikutnya menunjukkan bahawa faktor dominan seseorang pelajar menunaikan solat ialah didikan ibubapa manakala faktor dominan pelajar meninggalkan solat pula ialah sikap malas. Seterusnya dapatan keputusan analisis bagi kesan yang diperolehi daripada solat dari aspek rohani menunjukkan beberapa kesan yang tinggi terhadap akidah dan akhlak. Sebaliknya tidak ada langsung kesan yang tinggi terhadap ibadah menunjukkan pelajar masih perlu didorong untuk melaksanakan solat seharian.

Sebaliknya, kajian Hasna Bidin et al. (2015) pula mendapati bahawa kefahaman solat fardu dalam kalangan pelajar Muslim di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka adalah tinggi. Begitu juga dengan tahap kefahaman mereka tentang tuntutan solat berjemaah dan kefahaman terhadap balasan ke atas orang-orang yang meninggalkan solat juga berada pada aras yang tinggi.

Menurut Shukri Ahmad (2014) et al., hasil kajian ke atas pelajar-pelajar tahun satu hingga empat dari Universiti Utara Malaysia menunjukkan bahawa penghayatan solat masih rendah, pelaksanaan solat tidak dianggap penting di samping solat dianggap bukan keutamaan. Manakala tahap pengimarahkan masjid di kalangan pelajar juga masih rendah.

Kajian Seri Kartini Jurami et al. (2013) mendapati bahawa tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan responden Pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh berada pada tahap yang tinggi bagi setiap aspek yang dikaji. Dalam akidah, kajian ini mendapati semua responden (100%) berada pada tahap pengamalan akidah yang tinggi manakala dalam aspek ibadah, 94.0 peratus responden berada pada tahap pengamalan ibadah yang tinggi dan 6.0 peratus responden berada pada tahap pengamalan ibadah yang sederhana. Dalam aspek akhlak pula, kajian ini mendapati 96.0 peratus

responden berada pada tahap pengamalan akhlak yang tinggi dan 4.0 peratus responden berada pada tahap pengamalan ibadah yang sederhana. Tiada seorang responden yang berada pada tahap yang rendah dalam semua aspek pengamalan akidah, ibadah atau akhlak. Manakala tahap keseluruhan pengamalan ajaran Islam dalam ketiga-tiga aspek yang dikaji iaitu akidah, ibadah dan akhlak ialah 98.0 peratus responden berada pada tahap pengamalan ajaran Islam yang tinggi dan hanya 2.0 peratus sahaja responden yang berada pada tahap pengamalan ajaran Islam yang sederhana.

Namun dapatan kajian mendapati terdapat ramai pelajar yang tidak konsisten melakukan solat fardu. Ini diakui oleh semua pensyarah yang ditemu bual yang menyatakan ramai pelajar Politeknik Ungku Omar yang tidak menunaikan solat fardu lima kali sehari. Walau bagaimanapun dalam pengamalan ibadah selain solat, dapatan kajian mendapati bahawa masih ramai pelajar yang mengamalkannya. Secara keseluruhannya, tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan responden kajian adalah tinggi dan ini menunjukkan tahap pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Ungku Omar adalah baik.

Sharifah Nur Binti Abu (2012) telah menjalankan kajian ke atas 150 responden pelajar Muslim semester satu yang mendaftar kursus AA101 (Pendidikan Islam 1) di Politeknik Kuching Sarawak (PKS). Hasil analisis terhadap kepentingan dan pengamalan ibadah solat dalam kehidupan seharian mereka menunjukkan bahawa responden mengetahui dan memahami tentang kepentingan solat. Namun, tahap pengamalan pelajar dalam melaksanakan solat masih kurang memuaskan.

Aerisuli binti Awang (2011) menyatakan dalam kajiannya ke atas pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu mendapati bahawa tahap pengetahuan dan penghayatan ibadah di kalangan pelajar tersebut adalah memuaskan dan berjaya memberi kesan positif dalam hubungan sosial pelajar. Kajian ini juga mendapati bahawa pelajar asrama lebih cemerlang dalam semua bidang akademik dan sahsiah diri yang positif.

Seterusnya, Asjad bin Mohamed et al. (2010) menyatakan dalam kajiannya bahawa kefahaman dan amalan beragama di kalangan 300 responden pelajar baru di kedua-dua buah universiti iaitu UiTM Pahang dan Universiti Malaysia Pahang adalah tidak terlalu bermasalah. Menurut kajian tersebut, masih ramai di kalangan mereka yang mempunyai kefahaman dan amalan ilmu asas agama yang mantap. Namun begitu, terdapat segelintir pelajar yang lemah dari sudut pengetahuan dan amalan agamanya.

Menurut Hilmi Bin Ismail (2010), pengetahuan asas solat fardu mahasiswa di TATi University College (TATiUC), Kemaman, Terengganu adalah baik iaitu sebanyak 90% dari responden yang dikaji. Namun dari aspek pengamalan solat fardu hanya 36% sahaja yang menunaikan solat lima waktu sehari semalam secara konsisten bagi memenuhi taklifan syara'.

Manakala, hasil kajian Ramli Awang et al. (2009) ke atas 46 pelajar bagi mewakili sampel kajian Pelajar Tahun Akhir SPI di Universiti Teknologi Malaysia menunjukkan bahawa responden mengetahui dan memahami tentang solat-solat sunat. Namun, tahap pengamalan pelajar dalam melaksanakan solat sunat masih kurang memuaskan.

Oleh yang demikian, daripada kajian-kajian literatur yang lalu, kita boleh simpulkan bahawa kebanyakan pengkaji terdahulu lebih memfokuskan kepada pengkajian ibadah khusus iaitu ibadah solat fardu dan sunat. Maka di sini pengkaji mendapati bahawa terdapat kelompangan terhadap kajian ibadah secara menyeluruh. Oleh itu, pengkaji memilih untuk mengkaji ibadah khusus dan umum di kalangan pelajar-pelajar UiTM Johor Kampus Pasir Gudang.

### **Kerangkakerja Teoritikal**

Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Dzariyyat ayat 56 yang bermaksud:

*“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaku.”*


Menurut Ibn Kathir (2003), Allah SWT tidak menciptakan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Nya. Bagi sesiapa yang melaksanakan segala perintah-perintah-Nya, dia akan dibalas dengan pahala yang sempurna. Sebaliknya, bagi sesiapa yang menderhakai-Nya, dia akan menerima seksaan yang pedih. Seterusnya, Wahbah al-Zuhayli (2007), mentafsir ayat di atas bermakna ‘Aku tidak menjadikan mereka kecuali untuk Aku menyuruh mereka beribadah kepada-Ku dan Aku melarang mereka berbuat jahat.’

Menerusi kedua-dua tafsiran ini, menunjukkan bahawa tujuan manusia diciptakan oleh Allah SWT di atas muka bumi adalah untuk mengabdikan diri kepada Pencipta-Nya iaitu Allah SWT. Maka, pengabdian ini yang dimaksudkan ialah melaksanakan ibadah yang sempurna kepada-Nya. Menurut Yusuf al-Qaradawi (1980), ibadah dalam Islam adalah luas, seluas bidang dan ruang likup dalam kehidupan seharian manusia di dunia ini. Ibadah bukan hanya terbatas kepada apa yang dinamakan sebagai ibadah khusus contoh solat lima waktu, puasa di bulan Ramadhan, membayar zakat dan menunaikan haji ke Mekah sahaja. Malah, ia mencakupi segala perbuatan baik dalam seluruh aspek kehidupan manusia yang dilakukan secara ikhlas dan mengikut syariat, dikira sebagai ibadah iaitu ibadah umum.

Menurut Mohd Asri Abdullah et. al. (2007), ibadah khusus dibahagikan kepada dua bahagian iaitu ibadah fardu dan ibadah sunat. Ibadah fardu pula terbahagi kepada dua iaitu ibadah fardu ain dan ibadah fardu kifayah. Manakala, ibadah sunat pula juga terbahagi kepada dua iaitu ibadah sunat muakkad dan ibadah sunat ghayr muakkad seperti dalam Gambar rajah 1.

Oleh yang demikian, bagi mendapatkan kesempurnaan ibadah, manusia hendaklah mengamalkan ibadah secara menyeluruh tanpa mengabaikan salah satu kategori ibadah sama ada ibadah khusus ataupun ibadah umum.

Justeru, pengkaji telah menggunakan kerangkakerja teoritikal seperti Gambar rajah 1 untuk mengkaji tahap pengamalan ibadah khusus dan ibadah umum pelajar UiTM Johor Kampus Pasir Gudang.



**Gambar rajah 1: Kerangkakerja Teorikal**

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan yang menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif. Populasi kajian adalah terdiri daripada 1035 orang pelajar Semester 1 2018/2019 Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang daripada lima fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan. Menurut Krejcie & Morgan et al. (1970), sampel seramai 281 adalah mencukupi bagi populasi seramai 1035 orang. Sampel kajian adalah dipilih secara rawak mudah yang melibatkan pelajar daripada lima fakulti yang terdapat di UiTM Johor Kampus Pasir Gudang. Pemilihan responden adalah berdasarkan senarai nama dan pelajar yang berada pada nombor ganjil sahaja dipilih sebagai responden. Dalam kajian ini, soal selidik digunakan sebagai instrumen yang merangkumi item-item berdasarkan objektif kajian dan mempunyai dua bahagian. Bahagian A merupakan soalan yang berkaitan dengan maklumat demografi pelajar dari aspek jantina, fakulti, umur dan latarbelakang sekolah menengah. Bahagian ini adalah menggunakan item pilihan tunggal iaitu responden diminta untuk membuat pilihan yang sesuai berdasarkan pilihan item. Seterusnya, skala likert telah digunakan pada bahagian B yang mana pilihan jawapannya terletak di antara 1= sangat tidak bersetuju hingga 5= sangat bersetuju. Bahagian ini berkaitan pengamalan ibadah khusus dan umum dan soalan soalselidik adalah diubah suai daripada Alat Ukuran Pengamalan Islam yang dicipta oleh Fariza Md Sham, Siti Rugayah Tibek, Khairul Anwar Mastor, Zainab Ismail, Ahmad Redzuan Mohd. Yunus dan Salasiah Hanin Hamjah. Alat ukuran ini adalah telah diuji realibiliti dan kesahannya. Oleh itu, satu kajian rintis telah dilaksanakan oleh pengkaji terhadap 30 orang responden. Menerusi hasil ujian kebolehpercayaan soal selidik, nilai keseluruhan *Cronbach Alpha* yang diperolehi adalah 0.71. Maka, keputusan daripada ujian ini menunjukkan item-item soal selidik yang digunakan mempunyai ketekalan yang kuat dan soal selidik ini boleh dikekalkan, diterima dan dipercayai.

Penganalisan data daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 24. Teknik statistik yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah teknik statistik deskriptif. Statistik deskriptif adalah satu teknik untuk memperihalkan keadaan data yang terdapat pada sampel kajian. Teknik deskriptif digunakan bertujuan untuk menghurai dapatan kajian daripada soal selidik yang dijelaskan dalam bentuk jadual dengan huraian dalam bentuk kekerapan (f), peratusan (%) dan purata (min).

### **Hasil Kajian dan Perbincangan**

Soal selidik yang digunakan adalah mempunyai 30 item yang merangkumi aspek ibadah khusus dan umum. Bagi ibadah khusus, item soal selidik adalah berkaitan pengamalan ibadah fardu dan ibadah sunat. Item ibadah fardu adalah ibadah fardu ain iaitu mengucapkan dua kalimah syahadah, menunaikan solat lima waktu, puasa di bulan Ramadhan, memberi zakat, menunaikan haji dan mempelajari ilmu agama. Manakala untuk ibadah fardu kifayah, soalan soal selidik adalah mengenai solat berjemaah dan pengurusan jenazah. Seterusnya, bagi ibadah sunat, item soalan merangkumi pengamalan sunat muakkad iaitu pelaksanaan ibadah korban, menunaikan solat sunat hari raya, solat tahajjud dan menjawab azan. Bagi ibadah sunat ghayr muakkad pula, soalan adalah berkaitan dengan pengamalan ibadah puasa sunat Isnin dan Khamis. Manakala item berkaitan ibadah umum pula adalah mengenai keengganan melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh agama, mentaati perintah Allah SWT dalam semua situasi dan mengamalkan ajaran Islam.

Justeru, Jadual 1 memaparkan tentang bilangan kekerapan, peratus dan min mengenai pengamalan ibadah yang paling diamalkan dan mendapat min tertinggi. Tiga item tersebut ialah “Saya melakukan puasa di bulan Ramadhan” iaitu (min=4.86), “Saya belajar ilmu agama untuk diamalkan dalam kehidupan” (min=4.72) dan “Saya mengucapkan dua kalimah syahadah setiap hari” (min=4.62).

Merujuk kepada puasa di bulan Ramadhan, puasa adalah satu ibadah yang jalinannya bukan sahaja kepada Allah SWT, bahkan juga kepada manusia melalui persyariatan zakat dan sedekah. Menurut Ghazali Darusalam (1997) puasa adalah menahan diri dari perkara yang boleh membatalkan puasa bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari disertai dengan niat dan syarat-syarat tertentu. Puasa adalah memainkan peranan dalam pembentukan akhlak pelajar. Ini kerana sifat-sifat yang tidak baik seperti bercakap bohong, bertengkar, suka memaki hamun dan sebagainya boleh dihapuskan daripada diri pelajar dengan cara mengamalkan puasa. Malahan bukan itu sahaja, bahkan kawalannya meliputi keseluruhan pancaindera manusia seperti menahan mata, telinga, mulut, tangan, kaki, hidung dan hati. Oleh yang demikian, puasa juga dapat membentuk takwa selain mengampunkan dosa. Wahbah al-Zuhayli (2007) mengatakan bahawa dengan berpuasa dapat menjernihkan jiwa, mendapat keredhaan Allah dan melatih diri agar bertakwa, sama ada ketika seorang diri mahupun di hadapan orang ramai. Ini kerana puasa dapat mendidik diri pelajar untuk bersifat tabah dalam kesusahan, mendisiplinkan diri dalam menghadapi musibah dan mengawal nafsu dan syahwat (Wahbah al-Zuhayli 2007, Ghazali Darusalam 1997, Siti Zaleha, 2014).

Seterusnya, berkaitan belajar ilmu agama untuk diamalkan adalah perkara yang sangat penting. Ini kerana untuk melakukan ibadah dan amal soleh, seseorang pelajar itu perlu mempunyai ilmu terhadap perkara tersebut. Oleh yang demikian, pada zaman moden ini alasan tidak sampainya

ilmu adalah sudah tidak relevan lagi. Ini kerana ilmu pengetahuan tentang Islam telah tersebar luas. Menurut Ibn Hisyam (1990) kejahilan terhadap ajaran Islam terutamanya terhadap dasar-dasar Islam yang berkait dengan masalah akidah ataupun iman merupakan sebab utama yang membawa kepada berlakunya gejala penyelewengan dalam masyarakat. Justeru, mempelajari ilmu-ilmu fardu ain dan fardu kifayah adalah wajib bagi pelajar agar mereka dapat melakukan amal ibadah dengan sempurna.

Manakalah berkaitan mengucap dua kalimah syahadah setiap hari adalah menunjukkan pelajar memahami konsep syahadah sebagai tunjang keislaman yang perlu diucapkan, diimani, dihayati dan diamalkan selama mana seseorang itu hidup di atas muka bumi Allah ini. Dua kalimah syadah adalah diucapkan oleh setiap Muslim sekurang-kurangnya 9 kali sehari semalam. Lafaz dua syahadah ini perlu diulang-ulang setiap hari sebagai peringatan yang berterusan berkaitan ketauhidan kepada Allah SWT (Ismail Kamus, 2009).

Manakala, Jadual 2 menunjukkan pengamalan ibadah yang paling sedikit diamalkan oleh pelajar UiTM Johor Kampus Pasir Gudang dan mendapat min terendah adalah bagi tiga item tersebut iaitu “Saya sering menunaikan solat sunat tahajjud” (min=2.35), “Saya membantu menguruskan jenazah sewaktu berlaku kematian” (min=2.77), dan “Saya sering melakukan puasa sunat Isnin dan Khamis” (min=2.82).

Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar UiTM Johor Kampus Pasir Gudang kurang mengamalkan ibadah seperti solat sunat tahajjud dan puasa sunat Isnin dan Khamis. Menurut Anisah (2001), beliau mengatakan faktor seseorang itu meninggalkan solat adalah disebabkan oleh beberapa perkara iaitu cetek pengetahuan, tidak mempunyai penghayatan terhadap solat, sifat malas dan cuai, usia pelajar dan pengaruh keresahan jiwa. Pendapat ini disokong oleh Burhanuddin Jalal (2011) mengatakan kadar pelaksanaan ibadah yang rendah adalah berpunca daripada tahap pengetahuan dan kemahiran tentang pelaksanaan ibadah yang rendah.

Begitu juga berkaitan amalan ibadah fardu kifayah seperti menguruskan jenazah sewaktu berlaku kematian. Fardu kifayah iaitu fardu yang memadai seorang yang melakukannya maka terlepas dosa bagi satu masyarakat tersebut. Namun, mengurus jenazah perlu kepada ilmu dan komitmen untuk melakukannya. Oleh itu, kecetekkan ilmu tentang ibadah fardu kifayah ini antara faktor yang menyebabkan pelajar sering menjauhkan diri daripada melaksanakannya. Justeru, kesedaran terhadap pentingnya mendalami ilmu-ilmu Islam sama ada berkaitan ibadah fardu ain ataupun fardu kifayah perlu dipupuk dalam jiwa pelajar.

Kesimpulannya, secara keseluruhan pengamalan ibadah khusus dan umum pelajar UiTM Johor Kampus Pasir Gudang adalah berada pada tahap tinggi. Perkara ini merujuk kepada skor min pengamalan ibadah khusus dan umum pelajar pada tahap yang tinggi iaitu (skor min=3.95). Walaubagaimanapun, terdapat beberapa pengamalan ibadah sunat yang mendapat min yang rendah. Perkara ini adalah disebabkan pelaksanaan ibadah memerlukan kepada ilmu dan komitmen. Selain itu, rutin pelajar yang penuh dengan aktiviti menyebabkan mereka kurang mengambil berat soal pelaksanaan ibadah sunat dan fardu kifayah. Fenomena ini berbeza dengan golongan tua yang lebih cenderung kepada soal amal ibadah dan memikirkan tentang kematian (Anisah 2001).

**Jadual 1: Bilangan Kekerapan, Peratusan dan Min Tertinggi Mengenai Pengamalan Ibadah Pelajar**

| Item                                                                                                                            | Kekerapan (f) & Peratus (%) |          |           |            |             | Min  |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|----------|-----------|------------|-------------|------|
|                                                                                                                                 | 1<br>STB                    | 2<br>TB  | 3<br>TP   | 4<br>B     | 5<br>SB     |      |
| Saya berpuasa pada bulan Ramadhan                                                                                               | 0<br>0.0                    | 0<br>0.0 | 7<br>2.5  | 26<br>9.3  | 248<br>88.3 | 4.86 |
| Saya belajar ilmu agama untuk diamalkan dalam kehidupan                                                                         | 0<br>0.0                    | 0<br>0.0 | 9<br>3.2  | 61<br>21.7 | 211<br>75.1 | 4.72 |
| Saya mengucap dua kalimah syahadah setiap hari                                                                                  | 4<br>1.4                    | 5<br>1.8 | 15<br>5.3 | 45<br>16.0 | 212<br>75.4 | 4.62 |
| N: 281      STB: Sangat Tidak Bersetuju      TB: Tidak Bersetuju<br>TP: Tidak Pasti      B: Bersetuju      SB: Sangat Bersetuju |                             |          |           |            |             |      |

Sumber: Soal selidik 2019

**Jadual 2: Bilangan Kekerapan, Peratusan dan Min Terendah Mengenai Pengamalan Ibadah Pelajar**

| Item                                                                                                                            | Kekerapan (f) & Peratus (%) |             |             |            |           | Min  |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|-------------|-------------|------------|-----------|------|
|                                                                                                                                 | 1<br>STB                    | 2<br>TB     | 3<br>TP     | 4<br>B     | 5<br>SB   |      |
| Saya sering puasa sunat Isnin dan Khamis                                                                                        | 29<br>10.3                  | 68<br>24.2  | 120<br>42.7 | 52<br>18.5 | 12<br>4.3 | 2.82 |
| Saya membantu menguruskan jenazah sewaktu berlaku kematian                                                                      | 41<br>14.6                  | 71<br>25.3  | 101<br>35.9 | 47<br>16.7 | 21<br>7.5 | 2.77 |
| Saya sering solat sunat tahajjud                                                                                                | 46<br>16.4                  | 118<br>42.0 | 95<br>33.8  | 16<br>5.7  | 6<br>2.1  | 2.35 |
| N: 281      STB: Sangat Tidak Bersetuju      TB: Tidak Bersetuju<br>TP: Tidak Pasti      B: Bersetuju      SB: Sangat Bersetuju |                             |             |             |            |           |      |

Sumber: Soal selidik 2019

## Kesimpulan

Secara umumnya, hasil daripada dapatan kajian mengenai pengamalan ibadah khusus dan umum pelajar adalah pada tahap yang tinggi iaitu (skor min=3.95). Ini menunjukkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang dilaksanakan di UiTM Johor Kampus Pasir Gudang khususnya melalui kursus-kursus pengajian Islam yang ditawarkan adalah baik dan memuaskan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha ini haruslah diteruskan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa dalam memberi pengetahuan dan kesedaran ke atas pelajar-pelajar mengenai pengamalan ibadah dalam Islam. Di samping itu, usaha-usaha dari pihak berwajib universiti juga haruslah ditingkatkan dalam menggiatkan aktiviti-aktiviti keagamaan kampus sepanjang tahun.

Peranan ibubapa dan masyarakat juga tidak dinafikan dalam memperkukuhkan pengamalan ibadah pelajar-pelajar. Melalui penerapan nilai yang baik dan berterusan dalam pengamalan ibadah khusus dan umum mampu memberi kesan dalam membina tingkah laku yang baru, mengubah sikap buruk lama dan seterusnya membina sahsiah. Ini sekaligus dapat mendokong hasrat kerajaan ke arah melahirkan masyarakat yang berpekerti mulia dan berjiwa luhur berlandaskan syariat Islam.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa solat, puasa, zakat dan haji adalah ibadah yang wajib dalam Islam. Ia merupakan hak Allah SWT yang wajib dilunaskan serta menjadi tanggungjawab kepada semua Mukallaf. Hal ini kerana ibadah merupakan penghubung antara manusia dengan Allah SWT secara langsung. Oleh yang demikian, pelaksanaan ibadah perlu dilaksanakan dengan sempurna agar membuahkan akhlak yang mulia. Pelaksanaan ibadah ini bukan sahaja meliputi ibadah khusus tetapi melibatkan ibadah umum yang memerlukan kepada ilmu dan komitmen secara istiqamah. Dengan ini, pelajar haruslah mendalami kedua-dua ilmu ibadah tersebut demi mencapai kesempurnaan ibadah seterusnya menjadi masyarakat yang berjaya di dunia dan akhirat.

Akhir kata, pengkaji amat berharap agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca dan mampu memberi maklumat berguna untuk dikongsi dengan masyarakat luar. Ia juga dapat membuka minda pendakwah dalam meneliti dan memperinci kaedah-kaedah yang bersesuaian dalam mempertingkatkan pengamalan pelajar-pelajar. Segala yang baik datang dari Allah dan kelemahan kajian ini atas kekurangan diri pengkaji sendiri.

## Rujukan

- Aerisuli binti Awang (2011). *Penghayatan Ibadah Dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring KualaTerengganu*. Tesis Sarjana. Jabatan Fiqh dan Usul. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Anisah Abdul Ghani (2001). *Konsep dan Pengamalan Solat Satu Kajian di Zaman Rasulullah*. Kuala Lumpur: al-Hidayah.
- Asjad Bin Mohamed, Muhammad Muzakkir Bin Othman @ Seman & Mohd Hafiz Bin Abdul Wahab (2010). *Kefahaman Dan Amalan Dalam Beragama: Kajian Terhadap Pelajar Baru Uitm Pahang Dan Pelajar Baru Universiti Malaysia Pahang*. Research Reports. Universiti Teknologi MARA Pahang.
- Burhanuddin bin Jalal (2011). *Penghayatan Islam dalam Kalangan Anggota Angkatan Tentera Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Fatin Faqeriah Binti Hamsah & Termimi Hidayat Bin Mahyan (2017). Faktor-Faktor yang Mempunyai Hubungan Dengan Pengamalan Ibadah Sunat Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Kuching Sarawak. *Konferensi*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. (<http://conference.kuis.edu.my/icorale/wp-content/uploads/2017/10/Full-Text-FatinFaqeriah-Binti-Hamsah.pdf>)
- Ghazali Darulsalam (1997). *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin & Mohd Ismail Mustari (2015). Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. *Sains Humanika*. Vol. 5, No. 3, 21-34.
- Hasna bin Bidin (2016). *Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Negeri Johor*. Tesis Sarjana, Fakulti Tamadun Islam. Universiti Teknologi Malaysia.
- Hilmi Bin Ismail (2010). *Pengamalan Solat Fardu Di Kalangan Mahasiswa Di Tati University College (TATiUC), Kemaman, Terengganu*. Tesis Sarjana. Jabatan Fiqh dan Usul. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Ibn Hisyām (1990). *Al-Sīrah al-Nabawīyah*. Jilid 2. Beirut: t.pt.
- Ibn Kathir (2003). *Terjemahan Singkat Tafsir Ibnu Katsier*. Jil. 7. Kuala Lumpur: Victory Agency.
- Ismail Kamus (2009). *Indahnya Hidup Bersyariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Krejcie, R.V & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. (30):608.
- Masjuki Misbah (2017). *Hubungan Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dan Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Pelajar Di Daerah Johor Bahru*. Desertasi Sarjana Falsafah, Fakulti Tamadun Islam. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Asri Abdullah, Kamariah Yusoff, Che Kamaruddin, Zawawi Temyati, Ahmad Jailani Sidek, Mohd Shukran Abdul Razak, Mashitah Abu Hassan, Khairul Faezi Mohd Said, Baterah Alias, Norsiah Sulaiman, Farahdina Abdul Manaf, Che Hashim Md Said & Azizah Zakaria (2007). *Prinsip-prinsip Asas Islam, Syariat, Ibadat dan Akhlak*. ShahAlam: UPENA.
- Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiden Abdul Rahman & Affendi Ismail (2018). Sikap Pelajar terhadap Pengamalan Solat Fardu dan Kesannya kepada Pembentukan Sahsia: Kajian di UiTM Kelantan Kampus Kota Bharu. *Jurnal al-Basirah*. Vol. 8, No. 2, 11-22.
- Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiden Abdul Rahman & Affendi Ismail (2019). Pembentukan Sahsia Pelajar dan Hubungannya Dengan Pelaksanaan Amalan Solat: Kajian Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Kelantan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(1), 49-65.
- Munib Sulistri (2002). *Istilah Agama Islam Populer*. Jogjakarta. Hanindita.
- Mustafa Daud (1995). *Konsep Ibadat Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Qarāḍawī, Yūsuf (1993). *Al-Ḥādīth fī al-Islām*. Beirut: Mu'assasa al-Risālah.
- Ramli Awang & Rosmaziah Abdul Kadir @ Ismail (2009). *Amalan Solat Sunat di Kalangan Pelajar Tahun Akhir SPI. Satu Kajian Di Universiti Teknologi Malaysia*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Seri Kartini Jurami & Fariza md Sham (2013). Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*. Vol. 35 Issue 1, 29-38.
- Sharifah Nur binti Abu (2012). Pengamalan Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching, Sarawak. *Seminar Penyelidikan Pengajian Islam*, 15-16 Februari 2012, Universiti Malaya. Kuala Lumpur, 25-38.

- Shukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman Khudri Wan Abdullah, Madiha Mohammed Ibrahim & Shahril Fazli Mat Hussain (2014). Penghayatan Solat dan Pengimarahen Masjid: Kajian dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia. *Proceeding of Social Sciences Research ICSSR*, 786-797.
- Siti Zaleha (2014). *Gaya Hidup Pelajar dan Hubungannya dengan Pengamalan Islam di Bandar Baru Permas Jaya, Johor Bahru*. Desertasi Sarjana Pengajian Islam. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Zuhayli, Wahbah ibn Mustafa (2007). *Tafsir al-Munir*. Juz 2. Terj. Selangor: Perstuan Ulama Malaysia & Intel Multimedia and Publication.